

# Takaful myCI Cover

Membantu Meringankan Beban Kewangan Anda untuk Penyakit Kritikal

## Sepintas Lalu



Perlindungan daripada 39 penyakit kritikal sehingga RM300,000



Tempoh perlindungan yang fleksibel berdasarkan keperluan anda



Permohonan mudah tanpa memerlukan pemeriksaan perubatan

## Siapa yang layak memohon?

Rakyat Malaysia yang berumur 19 sehingga 45 tahun pada hari lahir yang akan datang.

## Ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai bayaran caruman?

- Amaun Caruman : Kadar caruman adalah berbeza mengikut umur kemasukan, jantina, pilihan jumlah perlindungan dan tempoh perlindungan
- Tempoh Caruman : Mengikut tempoh perlindungan
- Kekerapan Caruman : Tahunan
- Kaedah Pembayaran : Kad Debit / Kredit

## Nota Penting:

- Pelan ini tertakluk kepada tempoh menunggu 30 hari untuk semua penyakit kritikal kecuali kanser. Untuk penyakit kanser, tempoh menunggu adalah 60 hari. Pelan ini juga tidak melindungi penyakit kritikal yang telah wujud pada tarikh kuat kuasa atau sebarang tarikh kuat kuasa semula, yang mana lebih kemudian.
- Anda harus menilai kemampuan dan kesesuaian pelan berdasarkan keperluan kewangan anda.
- Jika sijil dipulangkan dalam masa 15 hari tempoh penelitian percuma, caruman penuh akan dibayar balik. Jika anda memilih untuk membatalkan sijil selepas tempoh penelitian percuma, tiada bayaran balik caruman akan dilakukan tetapi perlindungan anda hanya akan tamat pada tarikh matang caruman yang seterusnya dimana anda tidak perlu membuat sebarang caruman selanjutnya.
- Pelan ini tidak mempunyai sebarang nilai tunai.
- Risalah ini menyediakan maklumat am sahaja. Ianya bukanlah sebahagian daripada kontrak Takaful. Anda dinasihati agar merujuk kepada Helaian Penerangan Produk dan dokumen-dokumen sijil untuk penerangan lanjut dan terperinci berkenaan pelan sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan. Takaful Malaysia menafikan sebarang liabiliti langsung sekiranya anda mengalami kerugian akibat hanya bergantung kepada maklumat yang dinyatakan di sini.

Pelan ini diedarkan tanpa sebarang perantara. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila emel kami di [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my) atau hubungi kami di **1-300 88 252 385**. Anda juga boleh melayari laman web kami di [www.takaful-malaysia.com.my](http://www.takaful-malaysia.com.my) untuk maklumat lanjut mengenai pelan ini.



**TAKAFUL**malaysia

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (131646-K) adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Kami Lindungi. Kami Prihatin. Kami Berkongsi.